

Esa, Ahmad and Mohd Yunos, Jailani and Kaprawi, Noraini (2005). In Seminar Penyelidikan Pendidikan. 15-16 September 2005, Holiday Inn, Kuching.

CULTIVATING LEADERSHIP SKILLS THROUGH CO-CURRICULUM IN POLYTECHNICS

Ahmad bin Esa
Assoc. Prof. Dr. Jailani bin Mohd. Yunus
Assoc. Prof. Dr. Noraini binti Kaprawi

Abstract

The purpose of the study conducted is to survey student's perception on leadership skills cultivation through co-curriculum in Malaysian Polytechnics. Research type was descriptive research on a survey sample who involved 409 Polytechnics students by using questionnaire instrument. Results of the research showed positive feedback from respondents regarding leadership skills application through co-curriculum in Polytechnics. In the results, it is found that there was no significant difference on perception among certificate and diploma respondents on leadership skills application through co-curriculum in Polytechnics. In terms of aspect, it is found that there is a significant difference among types of co-curriculum the students joined whether it is Polibriged co-curriculum, associations and clubs, sports and games or unit with uniform. The study shows that Polytechnics students can build leadership skills through co-curriculum.

Keywords: Leadership, Co-Curriculum, Polytechnics

PENERAPAN KEMAHIRAN KEPIMPINAN MENERUSI KOKURIKULUM DI POLITEKNIK

AHMAD BIN ESA
PROF. MADYA DR. JAILANI BIN MOHD. YUNUS
PROF. MADYA DR. NORAINI BINTI KAPRAWI

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

Abstrak:

Tujuan kajian dijalankan ialah untuk meninjau persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan deskriptif jenis tinjau sampel yang melibatkan 409 orang pelajar politeknik dengan menggunakan instrumen soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan para responden memberi maklum balas positif terhadap penerapan kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik. Didapati juga tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan di kalangan responden peringkat sijil dan diploma terhadap penerapan kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum di politeknik. Daripada segi, jenis

kokurikulum pula didapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara responden yang mengikuti kokurikulum Polibridged, persatuan dan kelab, sukan dan permainan dan unit beruniform. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar politeknik boleh membina kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum.

1.0 Pendahuluan

Kokurikulum dikatakan sebagai pelengkap kepada kurikulum dan dapat membantu potensi pembangunan diri individu dijelaskan oleh Walker (2003), Keystone Central School District (2002), Switzer (2002), National Academy Foundation (2001), Matthews (2000), Potrafka *et. al* (1997), California State University (1994), Adnan Kamis (1993), Yusoff Ismail (1993), Vasudevan T. Arosoo (1988), Michigan State University (1988) dan Teng Boon Tong (1984). Satu daripada aspek pembangunan yang ditekankan menerusi kokurikulum ialah kemahiran kepimpinan seperti yang dinyatakan oleh Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002) yang menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat memberikan latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar. Kepimpinan dapat dilatih melalui aktiviti pakaian seragam, persatuan, kelab dan sukan. Hujah berkaitan kemahiran memimpin daripada kegiatan kokurikulum dipersetujui oleh Mohd. Hamidi Abdul Hamid (2002;55) yang menyatakan,

“ Ilmu memimpin dan mengurus bukannya seperti orientasi ilmu akademik yang kebanyakannya berkisar dalam kelas dan kertas-kertas ujian, tetapi melalui satu pendidikan yang mesti didalami dan dirasai sendiri oleh pelajar tersebut, sebab memimpin dan mengurus ianya berhadapan dengan manusia. Lantaran itu, apabila pelajar diberikan mengurus persatuan-persatuan, kelab atau sebagainya, maka secara serentak mereka akan memimpin dan mengurus ahli-ahlinya (manusia), memerlukan kebijaksanaan, komunikasi, phisykologi dan strategi yang tertentu.”

Lanjutan daripada idea yang menyatakan pelajar boleh mendapat kemahiran memimpin daripada kegiatan kokurikulum, Omardin Ashaari (1999) menghuraikan bahawa beberapa aspek kepimpinan sepatutnya wujud di kalangan mereka yang memegang persatuan. Antaranya ialah mesti mempunyai kemahiran tertentu seperti kemahiran menghurai, mengamalkan dan mengawal tingkah laku, kemahiran memahami masalah dan membantu mencari penyelesaian, kemahiran mendengar, memberi perhatian, memberi penjelasan, refleksi, konfrontasi, mentafsir, memberi maklumat, membuat rumusan dan hubungan manusia. Mengulas perkara yang sama Shamsaadal Sholeh Saad (2004) dan Mohamad Ismail Mohamad Yunus (2004) menyatakan melalui kokurikulum, remaja diajar menjadi pemimpin, mematuhi peraturan dan etika, berkomunikasi, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, bekerja dalam kumpulan di samping menyemai nilai-nilai yang positif seperti berdisiplin.

2.0 Objektif

Objektif kajian ini ialah untuk meninjau persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Di samping itu adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap penerapan kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum di politeknik di antara beberapa pemboleh ubah

iaitu berlainan peringkat pengajian (sijil dan diploma) dan berlainan jenis kokurikulum (sukan dan permainan, unit beruniform, persatuan dan kelab dan Polibriged).

3.0 Metode Kajian

Reka bentuk kajian ialah kajian deskriptif yang meninjau persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Populasi kajian ini ialah semua pelajar politeknik pada tahun 2004 di seluruh Malaysia. Berdasarkan data daripada Bahagian Pengurusan Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, terdapat lebih kurang 59,000 pelajar di politeknik seluruh Malaysia. Berdasarkan Jadual Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Krejeie dan Morgan (1970), bagi saiz populasi tersebut, saiz minimum sampel yang diperlukan ialah 382 orang pelajar. Teknik persampelan kelompok banyak tahap digunakan untuk memilih sampel kajian. Melalui teknik persampelan ini, sampel dikelompokkan mengikut politeknik dan seterusnya dikelompokkan mengikut jenis kokurikulum yang diikuti. Sebanyak enam buah politeknik dan 12 kokurikulum telah dipilih secara rawak mudah. Semua pelajar dalam setiap 12 kokurikulum daripada enam buah politeknik yang dipilih telah dijadikan sampel kajian iaitu melibatkan 409 orang pelajar. Jumlah ini melebihi jumlah saiz sampel yang disarankan oleh Krejeie dan Morgan (1970).

Instrumen kajian ialah soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan konsep dan pandangan yang dikemukakan oleh Callan (2003), Dawe (2002), Kearns (2001), Ab. Alim Abdul Rahim (1999), De Leon dan Borchers (1998), Jackson (1997), Stoner dan Wankel (1997), Velde (1997), Omardin Ashaari (1996), Cascio (1995), Raggat (1995), Al Ramaiah (1992), Mustafa Daud (1994a), Mustafa Daud (1994b) dan Upward (1989). Soal selidik tersebut mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian A mengandungi maklumat responden dan Bahagian B mengandungi item untuk mengukur kemahiran kepimpinan pelajar menerusi kokurikulum. Skala Likert (1 hingga 5) digunakan untuk mengukur maklum balas responden bagi setiap item yang dikemukakan. Perincian skala tersebut seperti di dalam Jadual 1.

Sebelum soal selidik tersebut digunakan dalam kajian sebenar, kajian rintis telah dijalankan. Menerusi kajian rintis, soal selidik telah dirujuk kepada panel pakar yang terdiri daripada pensyarah politeknik yang mengajar kokurikulum, Pegawai Sukan Dan Kokurikulum dan pensyarah dalam bidang pengurusan di KUiTTHO. Maklum balas daripada mereka telah dijadikan sumber rujukan untuk mengubah suai semula item-item yang digubal. Selain daripada itu, soal selidik juga telah diedarkan kepada 15 orang pelajar politeknik untuk mendapatkan kebolehpercayaan item-item yang dibina. Hasil daripada ujian kebolehpercayaan, *Reliability Analysis –Scale Alpa* yang menggunakan program SPSS (versi 11.5) telah menunjukkan nilai alfa kemahiran kepimpinan keseluruhan adalah melebihi nilai alfa 0.6. Nilai korelasi antara item pula mempunyai nilai yang melebihi 0.03. Oleh itu adalah diyakini item-item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Jadual 2 menunjukkan nilai alfa dan korelasi antara item bagi setiap item yang dibina di dalam soal selidik.

Pengumpulan data dilakukan sendiri oleh penyelidik dengan bantuan pensyarah-pensyarah kokurikulum di politeknik-politeknik yang terlibat. Masa yang diambil untuk mengisi borang soal selidik ialah lebih kurang 20 minit dan kesemua pelajar yang terlibat dalam mengisi borang soal selidik telah mengembalikan semula secara langsung kepada penyelidik.

Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min dan sisihan piawai manakala statistik inferens digunakan untuk menganalisis perbezaan antara pemboleh ubah bagi memenuhi objektif yang ditetapkan. Tafsiran statistik min yang digunakan diubah suai daripada

Lendal (1997) iaitu nilai min 1.0 hingga 2.3 = tidak bersetuju, 2.4 hingga 3.7 = kurang bersetuju dan 3.8 hingga 5 = bersetuju) manakala nilai alfa 0.05 diputuskan untuk menentukan sama ada tidak terdapat perbezaan atau terdapat perbezaan yang signifikan antara pemboleh ubah.

4.0 Penemuan

Daripada 409 orang responden, 243 (59.4%) ialah responden lelaki dan 166 (40.6%) ialah responden perempuan. Sebanyak 19.8% daripada Politeknik A, 15.6% daripada Politeknik B, 18.6% daripada Politeknik C, 22.5% Politeknik D, 12.7% Politeknik E dan 10.8% daripada Politeknik F. Sebanyak 155 (37.9%) mengikuti pengajian di peringkat sijil dan 251 (61.4) di peringkat diploma manakala 3 (0.7%) tidak menyatakan peringkat pengajian dalam borang soal selidik. Daripada segi jenis kokurikulum yang diikuti pula, 32.3% mengikuti Polibridged, 30.6% mengikuti persatuan dan kelab, 15.2% mengikuti unit beruniform dan 22.0% mengikuti sukan dan permainan.

Jadual 3 menunjukkan bahawa pelajar politeknik memberi maklum balas persepsi positif bahawa kemahiran kepimpinan diterapkan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Kesemua item mempunyai nilai min melebihi 3.80 yang menunjukkan para responden bersetuju bahawa mereka dapat menguasai kemahiran kepimpinan setelah mempelajarinya menerusi kokurikulum. Antara kemahiran kepimpinan yang menunjukkan maklum balas persepsi yang tinggi mengikut hierarki ialah menghormati orang lain (min = 4.45, sp=0.617), berlaku adil dengan semua pihak (min = 4.34, sp=0.645), melaksanakan kuasa dengan amanah (min= 4.31, sp=0.631), jujur melaksanakan tanggungjawab (min=4.30, sp=0.612) dan bertanggungjawab (min=4.29, sp = 0.622)

Jadual 4 pula menunjukkan hasil Ujian T bagi tujuan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kemahiran kepimpinan diterapkan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia di antara responden berlainan peringkat pengajian. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara responden di peringkat sijil dan responden di peringkat diploma terhadap penerapan kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum daripada segi kemahiran kepimpinan keseluruhan dan hampir kesemua kemahiran-kemahiran berkaitan kepimpinan. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan persepsi yang signifikan daripada segi kemahiran memberi bimbingan dan boleh menerima teguran. Didapati responden di peringkat sijil lebih berkemahiran untuk memberi bimbingan kepada ahli mereka yang lain dan bersedia untuk menerima teguran daripada ahli yang lain berbanding responden di peringkat diploma.

Jadual 5 menunjukkan hasil Ujian ANOVA digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kemahiran kepimpinan diterapkan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik di antara responden berlainan jenis kokurikulum. Hasil ujian tersebut menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara responden yang mengikuti berlainan jenis kokurikulum daripada segi kemahiran kepimpinan keseluruhan ($F=3.205$, $p < 0.05$), boleh ubah suai mengikut keadaan ($F=3.242$, $p<0.05$), tabah menghadapi dugaan ($F=4.206$, $p<0.05$) dan dapat mengawal emosi ($F=3.759$, $p < 0.05$).

Ujian LSD dan Tukey, s b, digunakan untuk menentukan kumpulan yang mempunyai perbezaan kemahiran kepimpinan. Bagi kemahiran kepimpinan keseluruhan, kumpulan Polibridged berbeza daripada kumpulan persatuan dan kelab tetapi tidak berbeza daripada kumpulan sukan dan permainan dan kumpulan unit beruniform. Persatuan dan kelab berbeza daripada kumpulan unit beruniform dan kumpulan sukan dan permainan. Unit beruniform tidak

berbeza dengan kumpulan Polibriged tetapi berbeza dengan kumpulan persatuan dan kelab dan kumpulan sukan dan permainan. Kumpulan unit beruniform didapati lebih mempunyai persepsi positif terhadap penerapan kemahiran kepimpinan keseluruhan menerusi kokurikulum daripada kumpulan persatuan dan kelab dan kumpulan sukan dan permainan.

Bagi kemahiran boleh mengubah suai mengikut keadaan, Ujian Post Hoc mendapati responden kumpulan Polibriged tidak berbeza dengan kumpulan persatuan dan kelab, unit beruniform dan sukan dan permainan. Kumpulan persatuan dan kelab berbeza dengan kumpulan unit beruniform tetapi tidak berbeza dengan kumpulan Polibriged dan kumpulan sukan dan permainan. Unit beruniform berbeza dengan kumpulan persatuan dan kelab dan kumpulan sukan dan permainan. Kumpulan unit beruniform didapati lebih berkemahiran daripada segi mengubah suai mengikut keadaan daripada kumpulan persatuan dan kelab dan sukan dan permainan.

Bagi kemahiran tabah menghadapi dugaan, kumpulan Polibriged berbeza daripada kumpulan sukan dan permainan tetapi tidak berbeza dengan kumpulan unit beruniform dan persatuan dan kelab. Kumpulan persatuan dan kelab berbeza daripada kumpulan unit beruniform tetapi tidak berbeza dengan kumpulan Polibriged dan kumpulan sukan dan permainan. Unit beruniform berbeza dengan kumpulan sukan dan permainan dan kumpulan persatuan dan kelab tetapi tidak berbeza dengan kumpulan Polibriged. Didapati kumpulan unit beruniform lebih berkemahiran daripada segi tabah menghadapi dugaan daripada kumpulan persatuan dan kelab dan sukan dan permainan.

Bagi kemahiran dapat mengawal emosi, kumpulan Polibriged berbeza daripada kumpulan persatuan dan kelab dan kumpulan sukan dan permainan tetapi tidak berbeza dengan kumpulan unit beruniform. Kumpulan persatuan dan kelab berbeza daripada kumpulan Polibriged tetapi tidak berbeza dari kumpulan unit beruniform dan kumpulan sukan dan permainan. Kumpulan unit beruniform pula berbeza dengan kumpulan sukan dan permainan tetapi tidak berbeza dari kumpulan sukan dan permainan. Didapati kumpulan Polibriged dan lebih berkemahiran mengawal emosi daripada kumpulan persatuan dan kelab dan kumpulan sukan dan permainan.

5.0 Perbincangan

Daripada data yang dikemukakan adalah jelas menunjukkan bahawa pelajar politeknik-politeknik di Malaysia boleh mengaplikasikan kemahiran kepimpinan setelah mempelajarinya menerusi kokurikulum. Dapatan ini menyokong beberapa pandangan yang dikemukakan oleh mereka yang yakin bahawa kokurikulum boleh melatih pelajar untuk menguasai beberapa kemahiran termasuk kemahiran kepimpinan seperti yang dikemukakan oleh Walker (2003), Keystone Central School District (2002), Switzer (2002), National Academy Foundation (2001), Matthews (2000), Potrafka *et. al* (1997), California State University (1994), Adnan Kamis (1993), Yusoff Ismail (1993), Vasudevan T. Arosoo (1988), Michigan State University (1988) dan Teng Boon Tong (1984).

Dengan demikian dapatlah dinyatakan bahawa kegiatan kokurikulum di seluruh politeknik di Malaysia dapat membina kemahiran memimpin di kalangan pelajar yang mengikutinya dan kemahiran tersebut berpotensi membantu mereka apabila mereka memasuki alam pekerjaan.

6.0 Cadangan

Antara cadangan-cadangan yang diterima daripada responden semasa kajian dijalankan ialah,

- a) Selain daripada kemahiran kepimpinan sedia ada, pihak pengurusan kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia, perlu memasukkan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran psikologi, bahasa ketiga, keselamatan dan kesihatan, belajar (termasuk kemahiran belajar sepanjang hayat) dan komputer dalam kokurikulum.
- b) Kokurikulum di politeknik-politeknik di Malaysia hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan semasa dan berdasarkan keperluan sektor pekerjaan di Malaysia sama ada pihak kerajaan atau swasta. Misalnya dalam arus perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat maka sewajarnya jugalah Pusat Sukan dan Kokurikulum di politeknik-politeknik menambah lebih banyak jenis dan kegiatan kokurikulum yang berasaskan teknologi komunikasi dan maklumat.
- c) Bagi setiap program yang direncanakan oleh setiap jenis kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia, disarankan agar pelajar melibatkan diri secara langsung. Maksudnya mereka bukan sekadar menjadi peserta dengan aktiviti yang dijalankan, tetapi juga terlibat dalam merancang, membuat kertas kerja, menyusun strategi, mengawal, mengurus dan menilai sesuatu program bagi setiap jenis kokurikulum. Pensyarah hanya bertindak sebagai fasilitator sahaja.
- d) Antara faktor kritikal yang dikemukakan oleh responden ialah berkaitan dengan sikap seperti menganggap kokurikulum tidak penting. Oleh itu, mereka telah menyarankan agar pihak pengurusan politeknik, Pusat Sukan dan Kokurikulum Politeknik dan semua pensyarah secara menyeluruh dan sepadu memberi keterangan sumbangan kokurikulum terhadap pembangunan sumber manusia (seperti meningkatkan kemahiran kepimpinan) secara sistematik dan berterusan kepada pelajar di politeknik-politeknik Malaysia.
- e) Secara umumnya, kokurikulum telah dikenal pasti boleh memberi kesan yang positif kepada pelajar. Antaranya ialah menjadikan mereka boleh memimpin, lebih berdisiplin dan berkeyakinan. Oleh itu, pelaksanaan dan penguatkuasaan kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia hendaklah diseliasa dengan lebih rapi oleh Pusat Sukan dan Kokurikulum, agar faedah yang diperolehi pelajar menjadi lebih berkesan.
- f) Selalunya yang menyerlah dan mendapat faedah maksimum daripada aktiviti bagi setiap kokurikulum yang dilaksanakan di politeknik ialah ahli jawatankuasa. Bagi pihak pelajar biasa, potensi sebenar mereka tidak dapat digilap berdasarkan dua situasi. Pertama, mereka tidak diberi peluang dan kedua, mereka sendiri menyisihkan diri. Oleh itu, pensyarah sewajarnya memastikan bagi setiap aktiviti yang dijalankan menerusi kokurikulum semua pelajar mesti terlibat dan mengambil bahagian, contohnya daripada peringkat perancangan, pengurusan, pelaksanaan dan penilaian.

Bibliografi

- Adnan Kamis (1993). "Aktiviti Kokurikulum Dasar KBSM: Ke Arah Kemantapan Insan Seimbang." in Adnan Kamis (1993). "Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan Dan Maklum Balas. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 260 – 267.
- Ab. Alim Abdul Rahim (1999). "Pengurusan Kokurikulum." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1 -10.
- Al. Ramaiah (1992). "Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini." Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd. 243 – 271.
- California State University (1994). "University Policy Manual: Co-Curricular Courses." Sacramento: California State University. <http://www.csus.edu/acaf/univmanual/cocurres.htm> . Dicapai pada 22 Mac 2003.
- Callan, V. J. (2003). "Generic Skills: Understanding Vocational Education and Training Teacher and Students Attitudes." Adelaide: NCVET Ltd. 6 – 20.
- Cascio, W. F. (1995). "Managing Human Resources." New York: McGraw-Hill, Inc. 192 – 224.
- Dawe, S. (2002). "Focusing on Generic Skills in Training Packages." Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd. 19 – 60.
- De Leon, J. E. dan Borchers, R. E. (1998). "High School Employment Trends and the Skills Graduates Need to Enter Texas Manufacturing Industries." *Journal of Vocational and Technical Education*. Vol. 15. N. 1. M.s. 1 – 18.
- Jackson, W. (1997). "Tracking the Development of Generic Skills: The Experience of 1987 and 1992 St. F. X. Graduates." St. Francis Xavier University. 1-3.
- Kearns, P. (2001). "Generic Skills for the New Economy." Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd. 41 -64.
- Keystone Central School District (2002). "Philosophy of Co-Curricular Activities <http://www.kcsd.k12.pa.us/guides/hs/cocurr.html> . Dicapai pada 22 Mac, 2003.
- Krejeie, R. V. dan Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research. Educational and Psychological Measurement. 207 -210.
- Lendal, K (1997). "Management by Menu." London: Wiley and Son Inco..
- Matthews, B. (2000). "Co-Curricular Philosophy." Bunbury: Bunbury Cathedral Grammar School. http://www.begs.wa.edu.au/home/co_curricular.htm . Dicapai pada 21 Mac 2003.
- Michigan State Universiti (1988). "Opportunities for Renewal: The Report of the Council to Review Undergraduate Education." Michigan: East Lansing. 42-50.
- Mohamad Ismail bin Mohamad Yunus (2004). "Enhancing Student Character Building and Ethics Development Process Through Co-Curriculum Activities: IIUM Experience. Kertas Kerja International Conference on Student Development, 16 – 18 April 2004 di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur. Tidak diterbitkan.

- Mohd. Hamidi Abdul Hamid (2002). "Pengurusan Sekolah Cemerlang Menurut Islam." Maran: Perniagaan Qomarul Roihan. 51-63
- Mustafa Daud (1994a). "Pengurusan Islam." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 94-147.
- Mustafa Daud (1994b). "Pekerjaan Dan Perusahaan Menurut Islam." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 38-53.
- National Academy Foundation (2001). "Co-Curricular Enhancements." USA: National Academy Foundation. <http://nafnetwork.net/resources/NAFResourcesCenter/cocurricular>. Dicapai pada 23 Mac 2003.
- Omardin Ashaari (1996). "Pengurusan Sekolah". Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.. 124-149.
- Potrafka, R. M. *et. al* (1997). "The World Wide Web, Student Organizations, and Co-Curricular Transcripts." University of Missouri- Rolla. 1-12.
- Raggat, P. (1995). "Competencies, Attributes and Curriculum: The Australian Agenda." Dalam Burke, J. (1995). "Outcomes, Learning and the Curriculum." London: The Falmer Press. 307-322.
- Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002). "Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan." Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). "Kokurikulum Peranan Dan_Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Stoner, A.F. dan Wankel, C. (1997). "Management (Terjemahan)." Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd. 2-27.
- Shamsaadal Sholeh Saad (2004). "Konflik Remaja Masa Kini dan Cabaran Menanganinya." Kertas kerja Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, 29-30 Mei 2004, di Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Switzer, R. (2002). "Co-Curricular Program." Busselton: Georgiana Molloy Anglican School. <http://www.gmas.wa.edu.au/co-curriculum.htm> . Dicapai pada 22 Mac 2003.
- Teng Bon Tong (1984). "Pendidikan Jasmani Di Sekolah Rendah (Edisi ke-2)." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1-4.
- Upward, H. (1989). "Enterprise in Action." Dalam Warwick, D. (1989). "Linking Velde, C. (1997). "Reporting the New Competence Needs of Clerical-Administrative Workers: An Employer Perspective." *Journal of Vocational Education and Training*. Vol. 49. No. 1. M.s. 21-40.
- Vasudevan T. Arosoo (1988). "Kegiatan Ko-Kurikulum: Penyeliaan Dan Pentadbiran." Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1-8.
- Walker, V. N. (2002). "Office of Co-Curricular Life." Sweet Briar: Sweet Briar College. <http://sbc.edu/cocurricular/about/> . Dicapai pada 20 Mac, 2003.
- Yusoff Ismail (1993). "Peranan Pendidikan Jasmani Dalam KBSM." in Adnan Kamis (1993). "Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan Dan Maklum Balas. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 235-243.

Lampiran

Jadual 1 : Skala Likert

Skala	Tafsiran
1	Sangat tidak bersetuju
2	Tidak bersetuju
3	Kurang bersetuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Jadual 2 : Hasil analisis ujian *Reliability Analysis –Scale Alpa* dan Nilai Korelasi Antara Item

Kemahiran Kepimpinan	Nilai alfa	Nilai Korelasi Antara Item
Memberi arahan	0.9030	0.5204
Bersedia bekerja lebih masa tanpa bayaran	0.9043	0.4774
Boleh ubah suai mengikut keadaan	0.9027	0.5313
Memberi motivasi kepada ahli	0.9029	0.5340
Menjadi teladan kepada ahli	0.9017	0.5731
Memberi bimbingan kepada orang lain	0.9012	0.5902
Tabah menghadapi dugaan	0.9013	0.5911
Berani membuat perubahan	0.9030	0.5250
Bekerja tanpa pengawasan	0.9079	0.3638
Menghormati orang lain	0.9022	0.5571
Berlaku adil dengan semua pihak	0.9016	0.5794
Melaksanakan kuasa dengan amanah	0.9013	0.5904
Boleh menerima teguran	0.9037	0.4930
Dapat mengawal emosi	0.9036	0.4967
Menjaga kebajikan ahli	0.9015	0.5799
Bertanggungjawab	0.9001	0.6432
Jujur melaksanakan tanggungjawab	0.8996	0.6677
Membina sikap berdaya saing	0.9023	0.5480
Komited menjalankan tugas	0.9011	0.5987
Membina pemikiran intelektual	0.9036	0.4964
Kemahiran Kepimpinan Keseluruhan	0.9069	

Jadual 3 : Kemahiran Kepimpinan Pelajar Politeknik Menerusi Kokurikulum.

Kemahiran Kepimpinan	Min	Sisihan Piawai
Memberi arahan	3.97	0.652
Bersedia bekerja lebih masa tanpa bayaran	3.99	0.712

Boleh ubah suai mengikut keadaan	4.05	0.659
Memberi motivasi kepada ahli	3.87	0.757
Menjadi teladan kepada ahli	3.93	0.739
Memberi bimbingan kepada orang lain	4.04	0.690
Tabah menghadapi dugaan	4.20	0.642
Berani membuat perubahan	4.11	0.700
Bekerja tanpa pengawasan	3.97	0.782
Menghormati orang lain	4.45	0.617
Berlaku adil dengan semua pihak	4.34	0.645
Melaksanakan kuasa dengan amanah	4.31	0.631
Boleh menerima teguran	4.23	0.636
Dapat mengawal emosi	4.10	0.651
Menjaga kebajikan ahli	4.08	0.648
Bertanggungjawab	4.29	0.622
Jujur melaksanakan tanggungjawab	4.30	0.612
Membina sikap berdaya saing	4.17	0.668
Komited menjalankan tugas	4.22	0.632
Membina pemikiran intelektual	4.16	0.633
Min Kepimpinan Keseluruhan	4.1396	0.40113

Jadual 4 : Perbezaan Kemahiran Kepimpinan Antara Peringkat Pengajian

Kemahiran Kepimpinan	t	Sig. (2-tailed)
Memberi arahan	1.407	0.160
Bersedia bekerja lebih masa tanpa bayaran	0.220	0.826
Boleh ubah suai mengikut keadaan	0.302	0.763
Memberi motivasi kepada ahli	1.240	0.216
Menjadi teladan kepada ahli	0.798	0.425
Memberi bimbingan kepada orang lain	2.253	*0.025
Tabah menghadapi dugaan	-0.549	0.583
Berani membuat perubahan	-0.241	0.810
Bekerja tanpa pengawasan	0.813	0.417
Menghormati orang lain	0.359	0.720
Berlaku adil dengan semua pihak	-0.918	0.359
Melaksanakan kuasa dengan amanah	0.144	0.886
Boleh menerima teguran	2.245	*0.025
Dapat mengawal emosi	2.000	0.046
Menjaga kebajikan ahli	-0.068	0.946
Bertanggungjawab	0.956	0.340
Jujur melaksanakan tanggungjawab	1.984	0.048
Membina sikap berdaya saing	-0.839	0.402
Komited menjalankan tugas	0.053	0.958
Membina pemikiran intelektual	0.233	0.816
Min Kepimpinan Keseluruhan	1.027	0.305

*** Terdapat perbezaan yang signifikan. (Sijil Lebih Tinggi)**

Jadual 5 : Perbezaan Kemahiran Kepimpinan Antara Jenis Kokurikulum

Kemahiran Kepimpinan	F	Sig.
Memberi arahan	1.882	0.132
Bersedia bekerja lebih masa tanpa bayaran	1.056	0.368
Boleh ubah suai mengikut keadaan	3.242	*0.022
Memberi motivasi kepada ahli	1.615	0.185
Menjadi teladan kepada ahli	1.007	0.390
Memberi bimbingan kepada orang lain	1.153	0.328
Tabah menghadapi dugaan	4.206	*0.006
Berani membuat perubahan	2.254	0.082
Bekerja tanpa pengawasan	1.562	0.198
Menghormati orang lain	0.435	0.728
Berlaku adil dengan semua pihak	1.632	0.181
Melaksanakan kuasa dengan amanah	0.168	0.918
Boleh menerima teguran	1.718	0.163
Dapat mengawal emosi	3.759	*0.011
Menjaga kebajikan ahli	2.166	0.091
Bertanggungjawab	2.333	0.074
Jujur melaksanakan tanggungjawab	1.972	0.118
Membina sikap berdaya saing	1.416	0.238
Komited menjalankan tugas	0.985	0.400
Membina pemikiran intelektual	1.230	0.298
Min Kepimpinan Keseluruhan	3.205	*0.023

*** Terdapat perbezaan yang signifikan.**